# JAWAPAN

## MODUL PEMBELAJARAN ABAD KE-21

**Aktiviti 1 Pengurusan Grafik (*Graphic Organiser*)**

**Cadangan Jawapan**

**Aktiviti Bersama-sama Keluarga di Rumah**

1. Mengemas rumah
2. Mencuci kenderaan
3. Menonton televisyen
4. Membaca buku
5. Bersenam dan beriadah
6. Memasak

**Aktiviti 2 Meja Bulat (*Round Table*)**

**Cadangan Jawapan**

**Amalan Gaya Hidup Sihat**

Idea Murid 1
Menjaga pemakanan seharian

Idea Murid 2
Bersenam dan beriadah

Idea Murid 3
Menjaga kebersihan rumah dan persekitaran

Idea Murid 4
Melakukan pemeriksaan kesihatan secara berkala

**Aktiviti 3 Peta *i-THINK***
**Cadangan Jawapan**




**Aktiviti 4 Main Peranan (*Role-Play*)**
**Cadangan Jawapan**

**Si Bangku dan Si Meja**

Si Bangku: Aduh, sakitnya badanku! Semalam ada dua orang murid lelaki memijak dan melompat di atas badanku. Sepatutnya mereka menghargai jasadku, iaitu duduk di atas badanku dengan elok-elok.

Si Meja: Aduhai, sungguh malang nasibmu, Si Bangku! Bersabarlah, wahai sahabatku. Aku pula bersyukur kerana digunakan dengan baiknya. Murid-murid menggunakan aku untuk meletakkan buku dan menulis. Mereka menjaga aku dengan cermat sekali seperti mereka menjaga harta benda mereka sendiri.

Si Bangku: Kamu sangat bertuah, Si Meja. Aku berharap agar tiada lagi kejadian buruk yang menimpa aku.

Si Meja: Aku berharap agar kamu tabah menghadapi dugaan hidup ini. Mungkin nasib kita tidak sama. Kita perlu bersyukur kerana dapat menyumbang khidmat bakti di sekolah ini. Kita tidak perlu risau lagi tentang perbuatan vandalisme kerana sejak adanya Skuad Prihatin, keselamatan kita terjamin. Mereka menjaga kita supaya kita berada dalam keadaan baik.

Si Bangku: Baiklah, Si Meja. Aku akan setia bersama-sama kamu untuk meneruskan perkhidmatan di sekolah ini selagi hayatku dikandung badan. Aku sangat bertuah dan bangga kerana mempunyai sahabat seperti kamu.

**Aktiviti 5 Pembentangan Hasil Sendiri**
**Cadangan Jawapan**





Bahan Rangsangan: Gasing

Idea Murid 1: Gasing dibuat daripada kayu yang dikikis hingga menjadi bentuk gasing. Dahulu, tali gasing dibuat daripada kulit pokok bebaru. Tapi sekarang tali gasing dibuat daripada tali nilon.

Idea Murid 2: Cara permainan gasing ialah pemain akan melilitkan tali pada gasing lalu membalingnya ke tanah. Pemain gasing mesti mempunyai kemahiran memusing, memangkah, mengangkat, dan menegakkan gasing.

**Aktiviti 6** ***Round Robin***
**Cadangan Jawapan**

**KUMPULAN 1**

**PUNCA-PUNCA PENCEMARAN UDARA**

**Murid 1:** Pelepasan asap dari kilang-kilang terus ke udara

**Murid 2:** Pembebasan asap kenderaan bermotor

**Murid 3:** Pembakaran hutan secara berleluasa

**KUMPULAN 2**

**KESAN-KESAN PENCEMARAN UDARA**

**Murid 1:** Penipisan lapisan ozon

**Murid 2:** Hujan asid

**Murid 3:** Jerebu

**KUMPULAN 3**

**LANGKAH-LANGKAH MENGATASI PENCEMARAN UDARA**

**Murid 1:** Memperhebat kempen-kempen kitar semula

**Murid 2:** Meningkatkan penguatkuasaan undang-undang kitar semula

**Murid 3:** Menerapkan kepentingan kitar semula dalam diri anak-anak sejak kecil

**Aktiviti 7** **Persembahan (*Presentations*)**
**Cadangan Jawapan**

**Mudahnya dengan Telefon Pintar**

Kain batik lukisan tangan,
Dibeli oleh pelancong Cina;
Telefon pintar sungguh ringan,
Mudah dibawa ke mana-mana.

Pergi ke sungai menangkap keli,
Bubu dipasang sudah mengena;
Telefon pintar canggih sekali,
Alat perhubungan mesra pengguna.

Gerun rasa hati pak tani,
Melihat harimau menerkam kancil;
Telefon pintar ciptaan terkini,
Fungsinya banyak walaupun kecil.

Adik mengejar Si Rama-rama,
Budak-budak bermain buaian;
Telefon pintar pelbagai jenama,
Belilah di kedai atau dalam talian.

Kumbang jati di tepi perigi,
Cacing dimakan burung tempua;
Telefon pintar bermutu tinggi,
Membawa manfaat kepada semua.

**Aktiviti 8 Permainan (*Games*)**
**Cadangan Jawapan**

Tema: Amalan Kesihatan dan Kebersihan
Cadangan soalan yang boleh dikemukakan oleh guru:
1. Bagaimanakah cara-cara memberus gigi yang betul?
2. Terangkan langkah-langkah membanteras demam denggi daripada terus merebak.
3. Apakah kepentingan makan makanan yang seimbang?
4. Nyatakan cara-cara mencuci tangan yang betul.

Tema: Sentiasa Selamat
Cadangan soalan yang boleh dikemukakan oleh guru:
1. Apakah yang perlu kamu lakukan sebelum masuk ke dalam makmal sains?
2. Mengapakah murid-murid tidak dibenarkan berlari di dalam makmal sains?
3. Apakah yang perlu kamu lakukan sekiranya berlaku kerosakan pada peralatan di dalam makmal sains?
4. Nyatakan perkara yang perlu kamu lakukan sekiranya rakan kamu bermain dengan peralatan yang terdapat di dalam makmal sains.

Tema: Potret Malaysia
Cadangan soalan yang boleh dikemukakan oleh guru:
1. Bilakah tarikh kemerdekaan negara?
2. Siapakah Bapa Kemerdekaan Negara kita?
3. Berapakah jalur yang terdapat pada bendera Malaysia?
4. Tahun ini merupakan tahun kemerdekaan Malaysia yang ke berapa?

## UNIT 1: Berkhemah di Laman Idaman
### MODUL PBD PRAKTIS DSKP
**B. Menulis**

Hutan Lipur Kanching dibuka kepada orang awam dari pukul 8:00 pagi hingga 6:30 petang. Pengunjung perlu memakai pakaian yang sesuai dan sopan. Makanan dari luar tidak dibenarkan dibawa masuk ke sini. Pengunjung dilarang memberikan makanan kepada haiwan di dalam laman hutan ini. Kebersihan dan kelestarian laman hutan lipur ini merupakan tanggungjawab bersama. Segala pertanyaan hendaklah diajukan kepada pegawai yang bertugas.

**C. Tatabahasa**
1. sana; rakit
2. sini; khemah
3. beg; itu
4. tong; situ

## UNIT 2: Seronoknya Membaca
### MODUL PBD PRAKTIS DSKP
**A. Menulis**

2. *Syamir dan Syatila membaca maklumat yang terdapat pada papan kenyataan pameran sambil membuat catatan.*
3. *Syamir membaca buku cerita yang baru dibelinya di pameran buku.*

**B. Seni Bahasa**
1. sikap ulat buku
2. dirimu riang selalu
3. menimba ilmu
4. dibaca tanpalah jemu
5. pesan kepada rakanmu
6. menjadi insan berilmu

**C. Tatabahasa**
1. potong
2. keping
3. ekor
4. buah
5. helai
6. tongkol
7. untai
8. kuntum

**Aktiviti Pelibatan Ibu Bapa**
**Cadangan Jawapan**
Kebaikan bercuti bersama-sama keluarga:
– kenangan tersebut akan tersimpan lama dalam memori mereka
– banyak manfaat kepada perkembangan otak anak-anak dari segi sosial dan fizikal
– menggalakkan penerokaan maklumat anak-anak secara semula jadi
– mengukuhkan hubungan kekeluargaan

## UNIT 3: Melancong dengan Keluarga
### MODUL PBD PRAKTIS DSKP
**A. Mendengar dan Bertutur**
1. berdiri terlalu hampir
2. menyimpan botol air
3. berhati-hati ketika mandi
4. menggunakan pelampung

**B. Menulis**
1. kerana mereka bekerja
2. Faktor yang mendorong kedatangan para pelancong ke Kampung Sedili Besar adalah kerana terdapatnya pelbagai sumber alam
3. penternakan udang galah, penternakan belangkas, dan perusahaan membuat keropok
4. adalah menyusuri pantai dengan menaiki bot. Selain itu, pelancong boleh mencuba makanan laut yang segar di restoran-restoran yang terdapat di sana

### MODUL PP PRAKTIS PRA-UPSR 1
**A. Sistem Bahasa**
**Praktis 1**
1. C  2. B  3. B  4. A

**Praktis 2**
(i) sepasang (✓)
(ii) ulas
helai (✓)

**B. Pemahaman**
1. A  2. B  3. C  4. D  5. A

**C. Penulisan**
1. mendengar ucapan
2. membaca buku
3. melukis poster

4. mengangkat kotak
5. menerima sijil

## UNIT 4: Amalan Hidup Sihat
### MODUL PBD PRAKTIS DSKP
**A. Mendengar dan Bertutur**
1. menguatkan otot
2. sentiasa cergas
3. air kosong
4. tubuh lebih segar dan sihat
5. menurunkan berat badan
6. membekalkan tenaga untuk melakukan aktiviti

**B. Menulis**
1. mahasiswa
2. sukarelawan
3. tatakerja
4. usahawan
5. budiman

## UNIT 5: Bersih dan Sihat
### MODUL PBD PRAKTIS DSKP
**A. Mendengar dan Bertutur**
1. mengelap dapur gas
2. menghilangkan kotoran
3. mencuci lantai
4. bersih daripada habuk
5. menyusun kasut
6. tersusun dan kemas
7. membuang sampah
8. halaman rumah bersih

**B. Membaca**
1. kotor
2. tin-tin minuman; pakaian terpakai
3. dikhuatiri akan dijangkiti penyakit
4. (a) melaporkan perbuatan orang yang membuang sampah sarap ke dalam laut
   (b) menguatkuasakan undang-undang yang lebih berkesan bagi membanteras perbuatan membuang sampah sarap ke dalam laut
   (c) perlunya ibu bapa memberikan didikan tentang pentingnya menjaga kebersihan alam sekitar

### AKTIVITI PAK-21: Kerusi Panas (*Hot Seat*)
**Cadangan Jawapan**

Soalan 1: Nyatakan jenis nyamuk yang menyebarkan virus demam denggi.
Jawapan: Nyamuk jenis Aedes aegypti yang menyebarkan virus demam denggi.
Soalan 2: Apakah tanda-tanda seseorang itu disyaki menghidap demam denggi?
Jawapan: Tanda-tanda seseorang itu disyaki menghidap demam denggi ialah demam panas, sakit kepala, sakit tulang belakang, sakit sendi-sendi, loya dan muntah-muntah, sakit pada bebola mata, serta ruam pada badan.
Soalan 3: Mengapakah virus demam denggi sangat berbahaya?
Jawapan: Virus demam denggi sangat berbahaya kerana boleh membawa maut sekiranya tidak mendapatkan rawatan dengan segera.
Soalan 4: Jelaskan langkah-langkah yang dapat dilakukan untuk mencegah demam denggi.
Jawapan: Langkah-langkah yang dapat dilakukan untuk mencegah demam denggi adalah dengan memusnahkan tempat pembiakan nyamuk, melindungi diri daripada gigitan nyamuk, serta memasang jaring pada tingkap rumah.

**C. Tatabahasa**
1. tutup
2. dibersihkan
3. cuci
4. kemas

## UNIT 6: Pendidikan Kesihatan
### MODUL PBD PRAKTIS DSKP
**A. Membaca**
1. dilancarkan
2. kebersihan
3. memastikan
4. disingkirkan
5. penjagaan
6. mengurangkan
7. pemakanan
8. menjalani

**B. Membaca**
(*a*) kaki kita tidak mengalami jangkitan kuman
(*b*) mudah dijangkiti kulat, ketuat, dan menyebabkan kulit menjadi kering
(*c*) kaki pesakit berkemungkinan dipotong
(*d*) (i) Berjumpa dengan doktor bagi mendapatkan rawatan awal
(ii) Melakukan aktiviti senaman kaki seperti berjoging

**C. Menulis**
**Penjagaan Kebersihan Makanan**
Tudung saji
**Fungsi**
1. menutup makanan yang dihidangkan
2. lebihan makanan

**Kesan**
1. dihinggapi lalat
2. disimpan; boleh dimakan lagi

### Aktiviti Pelibatan Ibu Bapa
**Cadangan Jawapan**
1. Jumlah makanan yang perlu diambil berdasarkan piramid:
   Aras 4 (puncak)
   – lemak, minyak, gula dan garam
   – makan sedikit
   Aras 3
   – ikan, ayam, daging dan kekacang
   – makan sederhana
   Aras 2
   – sayur-sayuran dan buah-buahan
   – makan banyak
   Aras 1 (dasar piramid)
   – nasi, mi, roti dan sumber biji-bijirin dan ubi-ubian
   – makan secukupnya
2. Kita perlu makan makanan seimbang bagi...
   – mengawal obesiti
   – mengimbangkan pengambilan makanan dengan aktiviti harian
   – mengambil vitamin yang mencukupi untuk keperluan tubuh

**D. Tatabahasa**

1. bersih betul
2. rajin benar
3. sungguh nyaman
4. amat kotor
5. indah nian
6. sangat harum

## MODUL PP PRAKTIS PRA-UPSR 2

**A. Sistem Bahasa**

**Praktis 1**

1. C 2. D 3. A 4. B

**Praktis 2**

(i) dihapuskan
(ii) ditutup
(iii) didapati
(iv) dicegah

**Praktis 3**

1. B 2. C 3. D 4. C

**Praktis 4**

1. itu
2. situ
3. ini
4. sini
5. sana
6. ini

**B. Pemahaman**

(*a*) aktiviti bergotong-royong membersihkan kawasan Hutan Lipur Ulu Jeram
(*b*) membina keyakinan diri
(*c*) kita hendaklah mendengar arahan daripada guru dalam setiap aktiviti yang dijalankan. Selain itu, kita perlu meminta kebenaran daripada guru sebelum pergi ke mana-mana

**C. Penulisan**

1. keselamatan diri
2. prihatin ketika loceng kebakaran berbunyi
3. menuruni tangga dengan teratur
4. cara-cara memadamkan api kebakaran
5. mematuhi arahan yang disampaikan

## UNIT 7: Sentiasa Awasi Diri

### MODUL PBD PRAKTIS DSKP

**A. Membaca**

1. pelbagai barang elektrik, bahan api untuk memasak, dan peralatan memasak
2. di dalam laci dapur
3. renjatan elektrik

### AKTIVITI PAK-21: Meja Bulat (*Round Table*)

**Cadangan Jawapan**

Idea Murid 1: Tutup api gas selepas selesai memasak.
Idea Murid 2: Letakkan objek yang tajam atau panas di tempat yang selamat.
Idea Murid 3: Gunakan peralatan dan perkakas yang sesuai dengan tujuan penggunaan.
Idea Murid 4: Pastikan semua suis peralatan elektrik ditutup sebelum meninggalkan dapur.

**B. Menulis**

| Frasa | Ayat |
|---|---|
| 1. **prasarana** yang penting | Jalan raya ialah **prasarana** yang penting dalam sistem perhubungan. |
| 2. mudah hilang **tatasusila** | Pemandu juga mudah hilang **tatasusila** ketika berada di jalan raya. |
| 3. Pemandu yang **budiman** | Pemandu yang **budiman** akan sentiasa berhemah ketika memandu di jalan raya. |
| 4. mematuhi **tatacara** | Mereka akan mematuhi **tatacara** pemanduan yang selamat. |
| 5. **prasyarat** utama | Kesabaran dan sikap toleransi ialah **prasyarat** utama untuk menjamin keselamatan di jalan raya. |
| 6. mangsa **vandalisme** | Kemudahan ini tidak sewajarnya menjadi mangsa **vandalisme** sehingga menjejaskan keselesaan pengguna jalan raya. |

**C. Tatabahasa**

1. Sekolah Kebangsaan Mutiara
2. Balai Polis Taman Indah
3. Kedai Buku Pintar
4. Kelas 4 Amanah
5. Jalan Panglima

## UNIT 8: Sediakan Payung sebelum Hujan

### MODUL PBD PRAKTIS DSKP

**A. Mendengar dan Bertutur**

1. kita
2. nya
3. kamu
4. saya
5. Kita

**B. Menulis**

**Isi 1:** supaya diri pejalan kaki selamat – dapat mengelakkan diri daripada terjatuh di atas jalan raya
**Isi 2:** menggunakan prasarana yang disediakan – melintas di laluan yang dibenarkan – mengelakkan kemalangan jalan raya
**Isi 3:** menggunakan tempat yang disediakan untuk pejalan kaki – menjamin keselamatan nyawa pejalan kaki
**Isi 4:** dapat dilihat dengan jelas oleh pengguna jalan raya yang lain – mengurangkan risiko kemalangan jalan raya

### AKTIVITI PELIBATAN IBU BAPA

**Cadangan Jawapan**

Tip keselamatan ketika berada di rumah:

- jangan buka pintu jika terdengar sesuatu yang mencurigakan pada waktu malam
- tingkap dan pintu mestilah dilindungi oleh besi keselamatan yang kukuh dan boleh dibuka dari dalam
- pastikan pagar, pintu dan tingkap dikunci sebelum tidur

Langkah-langkah untuk mengelakkan diri daripada menjadi mangsa kepada orang yang berniat tidak baik:

- keluar bersama-sama teman dan bukannya secara bersendirian

– elakkan pergi ke tempat-tempat yang tidak menjamin keselamatan anda

## UNIT 9: Beringat sebelum Kena

### MODUL PBD PRAKTIS DSKP

**A. Membaca**

Kawasan yang redup menjadi panas.; Aktiviti pembalakan yang berleluasa; Banjir besar berlaku tanpa dijangka.; Muka bumi kita semakin panas berjerebu.

**B. Menulis**

Sudah seminggu cuaca berjerebu melanda negara. Keadaan ini turut mengganggu sesi pembelajaran murid-murid Sekolah Kebangsaan Bandar Indera.

Menurut Guru Besar, Encik Muhammad Khalil bin Ishar, beliau telah memberikan penerangan kepada guru-guru dan murid-murid tentang langkah-langkah keselamatan yang perlu diambil ketika menghadapi situasi tersebut. Murid-murid diingatkan tentang penjagaan kesihatan semasa berlakunya jerebu.

Sebagai tindakan susulan, murid-murid dinasihatkan oleh pihak sekolah supaya membawa bekalan air minuman dari rumah. Mereka juga diingatkan agar banyak minum air. Hal ini amat penting untuk menangani masalah kesihatan seperti sakit tekak yang berpunca daripada jerebu.

Cikgu Shahzan, selaku guru yang bertugas telah mengarahkan murid-murid supaya sentiasa menjaga kebersihan seperti mencuci tangan dengan lebih kerap. Murid-murid turut diingatkan supaya sentiasa menjaga kebersihan.

Seterusnya, aktiviti kokurikulum dan aktiviti di luar kelas juga ditangguhkan oleh pihak sekolah buat sementara waktu memandangkan keadaan berjerebu yang boleh membahayakan kesihatan. Aktiviti kokurikulum dijadualkan berjalan seperti biasa setelah keadaan pulih seperti sediakala.

### AKTIVITI PAK-21: Peta *i-THINK*

**Cadangan Jawapan**

Peta Pelbagai Alir

Sebab dan akibat jerebu:

Sebab

1. Pembakaran hutan
2. Pembebasan asap dari kilang
3. Pembebasan asap dari ekzos kenderaan

Akibat

1. Peningkatan suhu bumi
2. Masalah kesihatan meningkat
3. Jarak penglihatan pemandu terbatas

### MODUL PP PRAKTIS PRA-UPSR 3

**A. Sistem Bahasa**

**Praktis 1**

1. B
2. D
3. A
4. A
5. C
6. B

**Praktis 2**

1. B
2. D
3. C
4. A

**Praktis 3**

1. jika
2. agar

**Praktis 4**

sedikit-sedikit, lama-lama jadi bukit

**B. Pemahaman**

1. D
2. D
3. C
4. D
5. B

**C. Penulisan**

1. diadakan
2. kepentingan
3. merasmikan
4. ditayangkan
5. kehidupan
6. hadiah
7. mengisahkan
8. kesedaran

## UNIT 10: Program Khidmat Masyarakat

### MODUL PBD PRAKTIS DSKP

**A. Mendengar dan Bertutur**

1. pondok bacaan. Guru dan murid lelaki serta kaum bapa bergotong-royong menyiapkan pondok bacaan
2. mereka juga membuat laluan berbumbung untuk pejalan kaki
3. bunga yang ditanam di dalam pasu itu disusun di sekeliling kawasan sekolah
4. mereka membuat lukisan mural pada dinding bangunan sekolah. Kawasan sekolah semakin ceria

**B. Menulis**

**Isi 1:** pokok buah-buahan dan pokok bunga di sekitar kawasan kampung – memperindah dan menghijaukan kawasan kampung

**Isi 2:** dijual di pusat kitar semula – wang dimasukkan ke dalam tabung persatuan penduduk

**Isi 3:** Pak Ayob tinggal sebatang kara – sudah uzur

**Isi 4:** menjamin kesihatan penduduk dan kebersihan kampung

## UNIT 11: Khidmat Rakan Sebaya

### MODUL PBD PRAKTIS DSKP

**A. Mendengar dan Bertutur**

1. membantu guru
2. peraturan sekolah
3. pendengar yang baik
4. membudayakan

### AKTIVITI PAK-21: Main Peranan (*Role-Play*)

**Cadangan Jawapan**

Pembimbing rakan sebaya: Hai, Ikmal! Saya lihat kamu seperti mempunyai masalah. Ada apa-apa yang boleh saya bantu?

Rakan sebaya: Hai, Adi! Saya sedang runsing memikirkan peperiksaan akhir tahun yang akan menjelang

| | |
|---|---|
| | tidak lama lagi. Saya sangat lemah dalam mata pelajaran Matematik. |
| Pembimbing rakan sebaya: | Oh, begitu rupanya! Saya juga pernah lemah dalam mata pelajaran Matematik seperti kamu dahulu. Tetapi sekarang tidak lagi. Saya boleh kongsikan tip-tipnya kepada kamu. |
| Rakan sebaya: | Apakah tipnya, Adi? |
| Pembimbing rakan sebaya: | Pertamanya, kamu perlu fokus di dalam kelas ketika guru sedang mengajar. Sekiranya terdapat soalan yang kamu tidak faham, kamu perlulah berjumpa dengan guru dan bertanya kepada beliau. |
| Rakan sebaya: | Patutlah saya selalu melihat kamu begitu fokus di dalam kelas. Apakah tip seterusnya, Adi? |
| Pembimbing rakan sebaya: | Seterusnya, pada setiap hari saya akan membuat latih tubi Matematik. Saya akan membuat sekurang-kurangnya lima soalan pada setiap hari. Contohnya, jika kamu lemah dalam soalan pendaraban, kamu perlu membuat soalan yang berkaitan pendaraban sehingga kamu benar-benar menguasainya. |
| Rakan sebaya: | Saya akan ikut tip kamu itu. Adakah kita perlu menghafal sifir dan formula Matematik, Adi? |
| Pembimbing rakan sebaya: | Ya, Ikmal. Sifir dan formula amat penting untuk kita hafal kerana akan digunakan dalam setiap operasi hitungan Matematik. Saya juga selalu belajar dalam kumpulan. Kamu boleh menyertai kumpulan belajar kami jika kamu berminat. |
| Rakan sebaya: | Saya berminat untuk menyertai kamu. Terima kasih, Adi kerana mengajak saya dan berkongsi pelbagai tip. |
| Pembimbing rakan sebaya: | Sama-sama, Ikmal. |

**B. Membaca**
1. ambil berat
2. berbudi bahasa
3. kerajinan
4. patriotisme
5. keprihatinan

**C. Menulis**
1. memberikan pendedahan
2. kerjaya yang sesuai
3. mengucapkan tahniah
4. menghargai kesungguhan
5. ceramah kerjaya
6. kerjasama yang padu
7. pelbagai ilmu pengetahuan
8. banyak membawa kebaikan

**D. Tatabahasa**
1. ialah
2. adalah
3. disambut
4. ditanggung
5. hargai
6. suarakan

## AKTIVITI PELIBATAN IBU BAPA
**Cadangan Jawapan**

Cara ibu bapa menggalakkan anak-anak menyertai program khidmat masyarakat adalah dengan:
– memberikan galakan dengan menyertai aktiviti sukarela bersama dengan anak-anak
– menggalakkan anak-anak untuk menceburkan diri dalam aktiviti sukarela dengan aktif
– memberikan sokongan moral dengan menghantar anak-anak ke tempat aktiviti sukarela dijalankan dan memberikan wang saku
– mendaftarkan nama anak-anak di pertubuhan-pertubuhan sukarela dan memilih aktiviti yang diminati oleh mereka

## UNIT 12: Skuad Prihatin
## MODUL PBD PRAKTIS DSKP
**A. Mendengar dan Bertutur**
1. menjaga kebersihan kawasan sekolah
2. masalah disiplin tidak berlaku di sekolah

**B. Membaca**
1. tempat berkumpul.
2. jentik-jentik.
3. yang ditemukan di dalam tin minuman untuk diambil tindakan selanjutnya.
4. bersama-sama menjaga kebersihannya.
5. tentang penemuan jentik-jentik itu.

## MODUL PP PRAKTIS PRA-UPSR 4
**A. Sistem Bahasa**

**Praktis 1**
1. B
2. A
3. C
4. B
5. D
6. A

**Praktis 2**

(i) melaporkan
(ii) mengedarkan

**B. Pemahaman**

(*a*) plastik
(*b*) Sudah dua bulan aku berkhidmat di Sekolah Kebangsaan Seri Impian. (✓)
Farisha tidak menutup “aku” dengan rapatnya setelah membuang sisa makanan ke dalam badan “aku”. (✗)
(*c*) mengadakan kempen kebersihan di sekolah secara berterusan. Selain itu, murid-murid perlu diberi penerangan tentang aspek kebersihan yang perlu dilakukan dari rumah

**C. Penulisan**
1. berjalan kaki pulang dari sekolah
2. ternampak seekor burung
3. tidak dapat terbang kerana sayapnya

4. merawat luka pada sayap burung itu
5. melepaskan burung itu

## UNIT 13: Irama Warisan

### MODUL PBD PRAKTIS DSKP

**A. Mendengar dan Bertutur**

1. 9 Januari 2019
2. Balai Kesenian
3. mempelajari tarian zapin
4. lawatan sambil belajar
5. mereka gerak tari zapin
6. menyertai pertandingan tarian zapin

**B. Membaca**

1. Ayat majmuk
2. Ayat seruan
3. Ayat seruan
4. Ayat tanya
5. Ayat penyata

**C. Menulis**

**Pendahuluan**: peserta yang terlibat dan tempat yang dilawati – tujuan lawatan – memberikan pengetahuan tentang warisan negara

**Isi 1:** melalui terowong masa – mengisahkan sejarah awal irama lagu rakyat dan peralatan muzik

**Isi 2:** sudut pameran boria dan dikir barat – menonjolkan identiti sesebuah negeri – menonton rakaman persembahan boria dan dikir barat

**Isi 3:** aras dua bangunan muzium – menempatkan peralatan wayang kulit dan kuda kepang

**Isi 4:** melihat peralatan muzik yang digunakan dalam persembahan seni warisan tradisional

**Penutup:** menyuntik semangat untuk mencintai dan memartabatkan warisan negara

## UNIT 14: Serupa tetapi Berbeza

### MODUL PBD PRAKTIS DSKP

**B. Menulis**

Daun mengkuang dan daun pandan ialah tumbuhan daripada spesies yang sama. Daun mengkuang dan pandan tumbuh dengan subur di tepi paya dan sungai. Walau bagaimanapun, daun mengkuang lebih lebar, panjang, dan tebal.

Antara barang yang dihasilkan daripada anyaman mengkuang ialah tikar, tudung saji, bakul, bekas pakaian, dan hiasan rumah. Contoh anyaman pandan pula ialah beg tangan, bakul, tikar sembahyang, dan hiasan.

Anyaman mengkuang dan anyaman pandan mempunyai nilai yang tinggi. Corak yang sangat menarik pada anyaman mengkuang dan anyaman pandan berjaya menambat hati pencinta warisan budaya.

**C. Tatabahasa**

1. mementingkan
2. merapatkan
3. ketekunan
4. dilupakan
5. kesedaran

## UNIT 15: Unik dan Kreatif

### MODUL PBD PRAKTIS DSKP

**A. Membaca**

**Idea Utama:** Seni silat ialah seni mempertahankan diri bangsa Melayu.

**Idea Sampingan:**
1. Generasi muda perlu mempelajari seni silat agar seni mempertahankan diri ini tidak lenyap begitu sahaja.
2. Seni silat juga dijadikan sebagai aktiviti kokurikulum di sekolah.

setanding dengan seni mempertahankan diri yang lain. Banyak negara akan mula meminati dan ingin mempelajari seni mempertahankan diri ini kerana tertarik oleh keunikannya. Oleh itu, pertunjukan dan pertandingan seni silat perlu diadakan dengan lebih kerap untuk memperkenalkan seni silat kepada masyarakat dunia.

### AKTIVITI PELIBATAN IBU BAPA

**Cadangan Jawapan**

Kebaikan mempelajari seni mempertahankan diri:
- dapat menyihatkan tubuh badan kita dan seterusnya mengelakkan diri kita daripada penyakit
- mampu untuk mempertahankan diri apabila keselamatan diri kita tergugat khususnya kepada golongan wanita
- rakyat Malaysia yang berdisiplin akan dapat dilahirkan jika masyarakat sanggup mempelajari seni mempertahankan diri
- salah satu cara yang baik untuk kita bersosial

**B. Menulis**

Nama kami Si Batok dan Si Tempayan. Kami ialah pasangan kembar. Aku dan kembarku tinggal di sebuah rumah tradisional orang Melayu di sebuah kampung. Kami diletakkan di tepi tangga rumah tuan kami.

Aku diperbuat daripada tempurung kelapa manakala tangkaiku diperbuat daripada batang kayu sebagai pemegangnya. Aku digunakan untuk mencedok air di dalam Si Tempayan. Si Tempayan pula diperbuat daripada tanah liat. Si Tempayan digunakan untuk menakung air.

Aku dan kembarku memberikan khidmat kepada setiap anggota keluarga tuan aku. Air di dalam Si Tempayan penuh apabila hujan turun. Mulut Si Tempayan pula ditutup oleh tuan aku dengan dulang supaya tidak menjadi tempat pembiakan nyamuk.

Anak-anak tuan aku mencedok air daripada Si Tempayan menggunakan aku. Mereka mencurahkan air pada kaki mereka supaya kaki mereka bersih. Mereka akan memastikan kaki mereka bersih sebelum masuk ke dalam rumah.

Kampung tuan aku semakin maju. Pelbagai kemudahan disediakan untuk keselesaan penduduk kampung. Beberapa hari kemudian, dua orang pekerja memasang paip air di rumah tuan aku. Aku dan kembarku berasa sedih kerana pasti khidmat kami tidak diperlukan lagi.

Kampungku semakin maju, namun tradisi lama masih dikekalkan oleh kebanyakan penduduknya. Tuan aku dan keluarganya masih memerlukan khidmat kami. Aku dan Si Tempayan berasa gembira kerana dapat berbakti kepada tuan aku lagi.

**C. Tatabahasa**

1. jeriji
2. sesiku
3. pepara
4. lelabah

### MODUL PP PRAKTIS PRA-UPSR 5

**A. Sistem Bahasa**

**Praktis 1**

1. D 2. B 3. B 4. D 5. A
6. C

**Praktis 2**

| | |
|---|---|
| 1. Pepohon kelapa menghiasi kawasan rumah tradisional itu. | ✓ |
| 2. Beberapa banyak dedaun kering bertaburan di halaman rumah itu. | ✗ |
| 3. Corak ukiran yang terdapat pada tetingkap rumah itu sungguh cantik. | ✓ |
| 4. Bahagian dapur rumah itu dipenuhi sarang lelabah kerana sudah lama tidak digunakan. | ✓ |

**Praktis 3**
1. B
2. A

**Praktis 4**
Ya, Khalif. Buluh dapat digunakan untuk membuat rangka layang-layang.

**B. Pemahaman**
1. C
2. B
3. C
4. B

**C. Penulisan**
1. Aku dibuat daripada besi.
2. Aku mempunyai mata yang sangat tajam.
3. Jauzan bertanyakan sesuatu kepada Pak Adi.
4. Jauzan membelek-belek badanku.
5. Rupa-rupanya Jauzan telah menempahku sebulan yang lalu.
6. Setiap malam Jauzan berlatih silat di Kampung Baru.
7. Mataku selalu berlaga dengan mata keris Izzat.
8. Aku disimpan oleh Jauzan di atas almari di rumah sewanya.

## UNIT 16: Kemajuan Pertanian
### MODUL PBD PRAKTIS DSKP
**A. Mendengar dan Bertutur**
1. kumpul semula bekas-bekas ini
2. gunting bekas air ini menjadi bekas tanaman
3. ambil sebaldi tanah di dalam guni itu
4. gantungkan bekas tanaman ini pada tiang khas yang berpaku di halaman rumah

### AKTIVITI PAK-21: Lawatan ke Galeri (*Gallery Walk*)
**Cadangan Jawapan**



**Teknologi Tanaman TUBE plot**
- bentuknya yang ringkas, amat praktikal dan menjimatkan ruang kerana struktur yang dibina menegak untuk aktiviti pertanian bandar
- pokok ditanam menggunakan kaedah silang atau jujuran bagi mendapatkan hasil yang tinggi
- bahan struktur ini diperbuat daripada besi tahan karat yang mudah dipasang dan ringan, manakala material takungan daripada bahan plastik *Polypropylene* (PP)
- dapat bercucuk tanam di kawasan yang sempit dan kecil kerana tidak menggunakan banyak ruang
- dapat menanam pelbagai jenis sayuran daun yang segar, bersih, dan selamat dimakan
- dikhususkan untuk kawasan perumahan yang bertingkat tinggi
- boleh disusun di kawasan penanaman dengan baik dan penuaian dilakukan secara berperingkat

**B. Membaca**
1. membantu petani memperoleh hasil dengan cepatnya
2. pendapatan mereka akan bertambah
3. mereka dapat mempelbagaikan hasil tanaman mereka; penggunaan jentera-jentera moden dan kaedah-kaedah penanaman yang lebih baik

**C. Menulis**
**Sebelum**
1. Mencari kawasan yang sesuai
2. Menyediakan anak pokok
3. Memeriksa anak pokok yang diambil

**Semasa**
1. Menggali lubang
2. Menanam anak pokok
3. Menggemburkan tanah

**Selepas**
1. Meletakkan baja dan air
2. Membuat penyokong pokok
3. Membungkus buah pisang

### AKTIVITI PELIBATAN IBU BAPA
**Cadangan Jawapan**
Tumbuhan yang sesuai ditanam di sekitar kawasan rumah dan digunakan dalam masakan:
– pokok serai
– pokok pandan
– pokok pisang
– pokok cili
– pokok kunyit

**D. Tatabahasa**
1. Tiga orang kakitangan jabatan pertanian menjalankan tanggungjawab untuk membantu petani meningkatkan pendapatan.
2. Dua orang warganegara Malaysia telah memenangi hadiah pertandingan inovasi pertanian di peringkat antarabangsa.
3. Jawatankuasa persatuan penduduk akan menjalinkan kerjasama dengan jabatan pertanian untuk mengadakan pasar tani pada setiap hari Ahad.
4. “Haikal, beritahu ayah kamu supaya menurunkan tandatangan pada borang permohonan ini,” kata pegawai pertanian itu.

## UNIT 17: Perkembangan Penternakan
### MODUL PBD PRAKTIS DSKP
**A. Mendengar dan Bertutur**
1. perlu dijaga
2. menternak udang kara

3. penternakan udang kara
4. bekas tong plastik besar
5. batu sungai halus atau pasir sungai
6. kayu bakau yang telah direndam dalam air tawar

**B. Menulis**

Pada hari Sabtu yang lalu, saya dan ayah berkunjung ke pasar raya. Kami lalu di hadapan kedai haiwan peliharaan. Saya dapat melihat pelbagai jenis ikan di kedai itu. Saya tertarik akan warna dan bentuk ikan hiasan di situ. Saya memberitahu ayah bahawa saya hendak memelihara ikan hiasan. Ayah bersetuju lalu membelikan sebuah akuarium, aksesori akuarium, dan ikan hiasan.

Setibanya di rumah, saya membersihkan akuarium itu. Kemudian, saya menuang pasir halus di dalam akuarium. Saya turut meletakkan tumbuhan hiasan. Untuk mencantikkan pemandangan di dalam akuarium, saya memasang aksesori akuarium seperti kayu, batu, dan cangkerang. Saya menyusun aksesori-aksesori itu hingga kelihatan cantik dan menarik.

Setelah siap, saya memasang alat pembekal oksigen dan penapis kotoran. Saya mengisikan air ke dalam akuarium. Kemudian, saya menitiskan sedikit antiklorin ke dalam akuarium untuk meneutralkan kandungan klorin di dalam air. Air di dalam akuarium dibiarkan seharian sebelum ikan-ikan dimasukkan ke dalam akuarium.

Keesokan harinya, saya memasukkan ikan hiasan seperti ikan gapi dan ikan emas ke dalam akuarium. Saya terpegun apabila melihat bentuk dan warna ikan hiasan yang menarik. Saya berazam akan menjaga ikan-ikan hiasan saya dengan baiknya. Pada setiap hari, saya memberikan makanan yang mencukupi kepada ikan-ikan hiasan itu.

Akuarium itu diletakkan oleh ayah di sudut ruang tamu. Saya leka apabila melihat ikan-ikan hiasan itu berenang di dalam akuarium. Rakan-rakan saya turut memuji kecantikan ikan-ikan hiasan saya. Saya berkongsi pengalaman memelihara ikan-ikan hiasan itu dengan mereka. Saya berasa gembira kerana impian saya untuk memelihara ikan hiasan telah tercapai.

## UNIT 18: Hasil Serba Guna

### MODUL PBD PRAKTIS DSKP

**A. Membaca**

1. bentuknya yang kelihatan seperti timun dan tidak mempunyai anggota.
2. gamat mempunyai ketahanan yang kuat hingga mampu hidup walaupun dipotong dua serta mengandungi pelbagai khasiat perubatan.
3. keberkesanannya dalam merawat luka dan mengandungi pelbagai khasiat perubatan yang berkesan dalam merawat penyakit.

**B. Menulis**

batang, buah, bunga, daun, kulit, dan rantingnya digunakan dalam penghasilan produk kecantikan dan bidang perubatan. Kayu-kayu gaharu digredkan mengikut mutunya. Kayu gaharu yang bermutu tinggi mempunyai bau yang harum dan dijadikan wangian.

### AKTIVITI PAK-21: Baca dan Tanda (*Read and Highlight*)

**Cadangan Jawapan**

Pokok misai kucing ialah pokok herba renek yang tumbuh sehingga mencapai ketinggian 1.5 meter. Pokok misai kucing juga merupakan sejenis pokok berbunga dan sering ditanam sebagai pokok perhiasan.

Pokok misai kucing banyak keistimewaannya. Antaranya termasuklah dapat membersihkan ginjal. Bahan toksik seperti asid urik berlebihan, sisa-sisa metabolik dan asid terkumpul perlu disingkirkan dari dalam badan bagi mengelakkan pengumpulan. Daun misai kucing dikatakan elok untuk membersihkan ginjal dan saluran air kencing. Penyakit batu karang dapat dielakkan juga.

Seterusnya, pokok misai kucing dapat membantu membuang toksin di dalam badan dan membantu mengurangkan kepekatan glukosa dalam darah dengan ketara. Hal yang demikian sekali gus mengelak dan merawat masalah kencing manis.

Selain itu, pokok misai kucing dapat membantu mengurangkan kolesterol dan merendahkan tekanan darah dengan cara memisahkan sel-sel darah dari bercantum dan melekat.

Oleh itu, kita boleh mengamalkan pokok misai kucing ini untuk membantu menjaga tubuh badan dan mengelakkan diri daripada dihinggapi pelbagai penyakit.

### MODUL PP PRAKTIS PRA-UPSR 6

**A. Sistem Bahasa**

**Praktis 1**

1. beritahu
2. setiausaha
3. matahari
4. bumiputera

**Praktis 2**

1. Buah-buahan strawberi di Tanah Tinggi Cameron sungguh segar.
2. Ikan tilapia peliharaan Encik Hamid sangat banyak.

**B. Pemahaman**

(*a*) ayahnya sudah turun ke laut dengan membawa jaring
(*b*) ayah penyajak mendapat hasil tangkapan yang begitu banyak
(*c*)

| | |
|---|---|
| Ayah penyajak gigih mencari rezeki. | ✓ |
| Penyajak dan ibunya menyambut kepulangan ayahnya dengan tangisan. | ✗ |

(*d*) penyajak mengucapkan terima kasih kepada ayahnya dan menyanjung tinggi pengorbanan ayahnya.

**C. Penulisan**

Buah-buahan tempatan ialah buah-buahan yang berasal dari negara kita. Antara contoh buah tempatan termasuklah ciku, tembikai, belimbing, dan nanas.

Kita digalakkan makan buah-buahan tempatan kerana buah-buahan tersebut baik untuk kesihatan. Selain itu, buah-buahan tempatan sememangnya segar kerana baru dipetik dari ladang. Seterusnya, kita perlu makan buah-buahan tempatan kerana mudah didapati terutamanya pada musim buah-buahan. Harga buah-buahan tempatan lebih murah berbanding dengan harga buah-buahan yang diimport juga. Oleh itu, kita dapat menjimatkan perbelanjaan seharian.

Kesimpulannya, jadikan buah-buahan tempatan sebagai pilihan utama kerana buah-buahan tempatan memang terjamin kualitinya.

## UNIT 19: Pekerti Mulia Amalan Kita

### MODUL PBD PRAKTIS DSKP

**A. Menulis**

**Pendahuluan**: ibu bapa banyak berjasa kepada kita – mengasuh, mendidik, dan membesarkan kita dengan penuh kasih sayang – perlu menghormati mereka

**Isi 1:** berbudi bahasa dan bersopan santun terhadap ibu bapa – mencium tangan mereka sebagai tanda hormat – perasaan kasih sayang
**Isi 2:** kita hendaklah mendengar nasihat ibu bapa – untuk kebaikan dan masa hadapan kita – menjadi anak yang baik dan berjaya dalam kehidupan
**Isi 3:** menghormati ibu bapa dengan menyiapkan tugasan sekolah dan mengulang kaji pelajaran – menghadiahkan kejayaan dalam pelajaran kepada mereka
**Isi 4:** menjaga ibu bapa ketika mereka sakit – perlu insaf akan kepayahan mereka ketika membesarkan kita – prihatin akan kebajikan mereka
**Penutup**: jasa ibu bapa dalam mendidik anak-anak tidak ternilai harganya – sebagai anak, kita mestilah menghormati mereka pada setiap masa

### AKTIVITI PAK-21: Peta *i-THINK*
**Cadangan Jawapan**
Peta pokok
Kepentingan amalan mulia dalam kehidupan:
1. melahirkan generasi yang cemerlang
2. melahirkan insan yang berakhlak mulia
3. membentuk masyarakat yang bersatu padu
4. mengekalkan keamanan dan kesejahteraan negara
5. mengelakkan diri daripada terjebak dalam pengaruh negatif

**B. Tatabahasa**
1. Cikgu Syafiza menyambut kedatangan ibu bapa murid tahun empat dengan mesra.
2. Intan menghadiahkan sejambak bunga mawar kepada Cikgu Hasnita
3. Rakan-rakan Fikri sangat menghormatinya kerana sikapnya yang baik hati
4. Mereka mengucapkan salam kepada Cikgu Raihan yang masuk ke dalam kelas

## UNIT 20: Cinta akan Negara
### MODUL PBD PRAKTIS DSKP
### AKTIVITI PAK-21: Main Peranan (*Role-Play*)
**Cadangan Jawapan**
Ai Ling: Wah, rajin betul kalian menghias kelas!
Diandra: Kami menghias kelas kerana tidak lama lagi kita akan menyambut Hari Kebangsaan 2018.
Laila: Kamu tahu bahawa pada tahun ini kita akan menyambut Hari Kebangsaan 2018 di Putrajaya?
Ai Ling: Sudah tentu. Sebagai anak merdeka, kita perlu mengetahui setiap perkara yang melibatkan negara kita. Malaysia amat bertuah dengan adanya murid yang bersemangat patriotik seperti kalian.
Diandra: Banyak juga dalam kalangan remaja kita yang tidak mempunyai semangat cinta akan negara.
Laila: Mereka sudah biasa hidup mewah dalam keadaan negara yang aman. Mereka tidak pernah merasakan kesusahan hidup. Jadi, mereka kurang mempunyai semangat patriotik.
Diandra: Kita pun tidak merasakan kesusahan seperti yang dialami oleh nenek moyang kita. Tetapi kita boleh membaca buku sejarah atau mendengar cerita daripada ibu bapa atau orang yang lebih tua.
Laila: Kebanyakan remaja sekarang tidak berminat untuk mempelajari sejarah negara. Mereka beranggapan bahawa dengan mempelajari sejarah mereka kelihatan ketinggalan zaman dan membelakangkan kemajuan.
Ai Ling: Betul kata kamu, Laila. Oleh itu, kita perlulah mempunyai kesedaran untuk menyemarakkan semangat cinta akan negara dalam diri kita. Eh, lama pula saya di sini! Sebelum saya mengganggu kalian dengan berbual-bual, biarlah saya menolong kalian menghias kelas ini.
Diandra dan Laila: Terima kasih, Ai Ling.

**B. Membaca**
Buah manggis di bawah para,
  Dimakan oleh si anak dara;
Chef Wan lahir di Singapura,
  Belajar hingga ke luar negara.

Pergi ke pasar membeli ikan,
  Membeli juga buah bidara;
Berjaya dalam bidang masakan,
  Mengharumkan pula nama negara.

Menyeberang parit dengan titi,
  Untuk mengutip buah berangan;
Chef Wan chef selebriti,
  Dilantik sebagai Duta Makanan.

**C. Tatabahasa**
1. Jalur Gemilang sedang diwarnakan oleh mereka di padang
2. Jalur Gemilang dikibarkan oleh murid-murid sempena sambutan Hari Kebangsaan peringkat sekolah
3. Lawatan sambil belajar ke Melaka Bandar Raya Bersejarah disertai oleh Hazim pada cuti sekolah
4. Lagu "Negaraku" dinyanyikan oleh mereka dengan bersemangat sekali di dataran perhimpunan

## UNIT 21: Negaraku Gemilang
### MODUL PBD PRAKTIS DSKP
**A. Mendengar dan Bertutur**
1. kami bertanyakan sesuatu
2. beritahu kami tentang lambang yang terdapat pada Tugu Negara itu
3. encik dapat beritahu kami maksud lambang bintang pecah 14 pada Jata Negara
4. Tolong jelaskan maksud lambang itu
5. membantu kami merakamkan gambar kami

**B. Membaca**
1. Atlet negara seperti Datuk Lee Chong Wei, Pandalela Rinong, dan Azizulhasni bin Awang menjadi kebanggaan negara kerana mengharumkan nama negara.
2. Mereka memenangi pertandingan dalam acara sukan yang disertai di peringkat antarabangsa.
3. Atlet negara tidak mengenal erti jemu dalam usaha menewaskan pihak lawan.
4. Atlet negara menjadi sumber inspirasi kepada rakyat untuk mengharumkan nama negara.

### AKTIVITI PELIBATAN IBU BAPA
**Cadangan Jawapan**
Cara untuk menghargai jasa pejuang-pejuang kemerdekaan negara:
– menyampaikan sajak atau puisi tokoh
– menyertai pertandingan melukis poster tokoh merdeka

- memainkan video tentang jasa dan sumbangan tokoh merdeka
- mencipta buku skrap biodata tokoh

**C. Menulis**

**Mengedit petikan daripada aspek ejaan dan imbuhan**

Dua mercu tanda kebanggaan Malaysia letaknya di bandar raya Kuala Lumpur. Salah satunya ialah Menara Kuala Lumpur yang terletak di kemuncak Bukit Nanas. Menara ini merupakan menara komunikasi ke lapan tertinggi di dunia. Pembinaan Menara Berkembar Petronas (KLCC) pula menelan masa tujuh tahun sehingga menjadi bangunan tertinggi di dunia sewaktu disiapkan. Kedalaman batuan dasar menjadikan bangunan ini dibina pada tapak yang paling dalam di dunia.

**Mengedit petikan daripada aspek tanda baca dan penggunaan kata**

Pembinaan MRT merupakan suatu rancangan jangka masa panjang untuk menampung pertambahan jumlah pengguna yang bakal menggunakan pengangkutan awam. Hal ini dikatakan demikian kerana jumlah penduduk Kuala Lumpur dianggarkan akan meningkat kepada 10 juta orang pada 2020. Apabila siap sepenuhnya, MRT dijangka dapat menawarkan perkhidmatan sehingga dua juta perjalanan penumpang.

## MODUL PP PRAKTIS PRA-UPSR 7

**A. Sistem Bahasa**

**Praktis 1**

1. B **2.** A **3.** B **4.** D

**Praktis 2**

Ayat pasif: Hadiah diberikan oleh Suzie kepada Cikgu Caroline bersempena dengan Hari Guru.

**Praktis 3**

Ayat aktif: Medina menyertai pertandingan melukis poster bertemakan Hari Kebangsaan.

**B. Pemahaman**

(*a*) zon selatan
(*b*) zon utara
(*c*) zon timur
(*d*) kursus ini dapat meningkatkan pemahaman saya tentang tanah air saya. Keduanya, kursus ini berupaya untuk menyemaikan semangat nasionalisme yang lebih tinggi dalam jiwa saya

**C. Penulisan**

Antara cara yang dapat kita lakukan untuk membalas jasa ibu bapa termasuklah kita mestilah sentiasa menghormati mereka. Gunakanlah bahasa yang baik-baik apabila bercakap dengan mereka.

Seterusnya, kita perlulah belajar sungguh-sungguh. Kejayaan kita dapat menggembirakan ibu bapa. Setiap ibu bapa pastinya mengharapkan kejayaaan anak-anak dalam pelajaran kerana pelajaran dapat menentukan masa hadapan seseorang.

Kita perlulah membantu ibu bapa membuat kerja-kerja rumah seperti menyapu sampah, menjemur pakaian, dan mencuci pinggan mangkuk juga. Hal ini dapat meringankan beban mereka.

Selain itu, kita perlulah menjaga ibu bapa apabila mereka sudah tua dan uzur. Ibu bapa amat memerlukan perhatian kita. Jagalah ibu bapa dengan penuh kasih sayang. Janganlah bersikap bagai kacang melupakan kulit.

## UNIT 22: Sumber Pendapatan

## MODUL PBD PRAKTIS DSKP

**A. Mendengar dan Bertutur**

Seterusnya, murid-murid membuat batas dengan diawasi oleh guru. Selepas itu, bermulalah proses penanaman. Murid-murid menyemai biji benih sayur-sayuran seperti sawi, kacang bendi, kacang panjang, dan petola. Proses kutipan hasil bermula setelah sayur-sayuran mengeluarkan hasil. Jualan hasil tanaman dilakukan oleh murid-murid. Mereka menjual hasil tanaman kepada guru-guru sahaja. Akhir sekali, keuntungan yang diperoleh hasil daripada jualan hasil tanaman direkodkan dalam buku akaun kelas masing-masing.

**B. Membaca**

1. Dedikasi, iaitu bersungguh-sungguh dalam menyiapkan tugasan agar kita mendapat kepercayaan daripada ketua kita.
2. Berhemah tinggi dan tidak bersikap sombong, iaitu berkongsi idea dengan rakan sekerja agar kita dihormati dan disenangi oleh mereka.
3. Bertanggungjawab, iaitu melaksanakan setiap tugasan yang diamanahkan agar kita dihormati oleh rakan dan majikan.
4. Kesyukuran, iaitu menghargai kesenangan yang dinikmati.
5. Kerajinan, iaitu tekun dalam bekerja agar setiap pekerjaan dapat kita selesaikan dengan segera.

**C. Menulis**

1. Bersepakat untuk menjual kraf tangan
2. Membahagikan tugasan untuk membuat kraf tangan
3. Membawa bahan-bahan dan peralatan
4. Menghasilkan kraf tangan
5. Menjual barangan kraf tangan
6. Memasukkan hasil jualan ke dalam tabungan kelas

## UNIT 23: Pengusaha Berwawasan

## MODUL PBD PRAKTIS DSKP

**A. Membaca**

Ayat Tunggal

1. Ternakan ikan dalam sangkar anakanda telah membuahkan hasil.
2. Pasaran ternakan ikan dalam sangkar sangat luas.
3. Anakanda akan sentiasa menjaga diri.

Ayat Majmuk

1. Anakanda berharap agar ayahanda berada dalam keadaan sihat.
2. Anakanda dan Hakimi mengusahakan ternakan ikan dalam sangkar ini di Taiping.
3. Ikan patin dan ikan tilapia yang kami ternak mendapat permintaan yang tinggi.

**B. Menulis**

Abang Kamil bercita-cita hendak menjadi petani yang berjaya. Oleh itu, dia menghadiri kursus usahawan muda. Dia banyak menimba ilmu pengetahuan tentang pelbagai cabang pertanian dan perniagaan.

Selain itu, Abang Kamil mendapatkan khidmat nasihat daripada pegawai pertanian. Melalui khidmat nasihat tersebut, Abang Kamil mendapat maklumat tentang kaedah penanaman moden dan pemasaran yang berkesan.

Seterusnya, Abang Kamil menguruskan kewangannya sebelum memulakan projek penanaman pisangnya.

Dia membuat pinjaman daripada bank pertanian untuk menyediakan modal bagi merealisasikan impiannya.

Abang Kamil turut mendapatkan bekalan anak pokok pisang yang bermutu. Dia mengambil berat akan penjagaan anak-anak pokok pisangnya agar anak-anak pokok pisangnya tidak diserang penyakit.

## UNIT 24: Mengurus Wang

### MODUL PBD PRAKTIS DSKP

**A. Mendengar dan Bertutur**

1. jumlah tabungan murid dari bulan Januari hingga Mei 2019.
2. Ada lima orang murid yang terdapat dalam maklumat tersebut.
3. Jumlah tabungan murid-murid itu sebanyak RM428.
4. Yang paling banyak menyimpan wang dari bulan Januari hingga Mei, Hanis.

### AKTIVITI PAK-21: Fikir-Pasangan-Kongsi (*Think-Pair-Share*)

**Cadangan Jawapan**

Kebaikan Menabung:

1. dapat membeli sesuatu barang dengan duit sendiri
2. dapat digunakan ketika kecemasan
3. dapat mengamalkan sikap berjimat cermat
4. dapat membantu keluarga apabila ditimpa kesusahan
5. dapat menambahkan wang simpanan kita

**B. Membaca**

1. Ayat seruan
2. Ayat perintah
3. Ayat tanya
4. Ayat penyata
5. Ayat tanya
6. Ayat penyata
7. Ayat perintah
8. Ayat seruan

**C. Menulis**

Berpandukan petikan, kita dapat berjimat cermat jika kita bersikap bijak dalam mengurus kewangan. Kita bukan sahaja dapat menjimatkan perbelanjaan harian jika berkongsi kereta ke tempat kerja, malahan dapat mengatasi masalah kesesakan di jalan raya. Perbelanjaan harian dapat dikurangkan apabila kita berkongsi kereta kerana tidak perlu mengeluarkan wang untuk membayar tol, petrol, dan parkir kereta pada setiap hari. Kita dapat menjimatkan kos perbelanjaan juga dengan membawa bekal makanan. Oleh itu, masa dapat digunakan dengan cekap tanpa berlaku pembaziran. Sebagai pengguna yang bijak, kita sepatutnya menjadikan sikap berjimat cermat sebagai amalan supaya kehidupan kita lebih bahagia.

### AKTIVITI PELIBATAN IBU BAPA

**Cadangan Jawapan**

Faedah-faedah menabung:

– melatih diri agar tidak boros
– melatih diri agar bersikap berdikari
– menjadi ikutan kepada orang lain
– dapat membantu diri atau ibu bapa ketika kecemasan dan kesempitan wang

**D. Tatabahasa**

1. hendak
2. mesti
3. masih
4. akan
5. dapat
6. boleh

### MODUL PP PRAKTIS PRA-UPSR 8

**A. Sistem Bahasa**

**Praktis 1**

1. B
2. A
3. C
4. D
5. B
6. B

**Praktis 2**

1. D
2. C
3. B
4. A

**Praktis 3**




**B. Pemahaman**

1. C
2. D
3. D
4. A
5. B

**C. Penulisan**

1. Mesin pengeluaran wang yang disediakan di bank tersebut memudahkan Saiful untuk mengeluarkan wangnya.
2. Seorang pengawal keselamatan ditugaskan untuk menjaga keselamatan pekerja dan pelanggan yang berada di bank itu.
3. Puan Salwana menyimpan wang tabung anaknya di bank untuk digunakan pada masa depan.
4. Encik Zainal dan Encik Krishan berbual-bual sementara menunggu nombor giliran mereka dipanggil oleh pegawai bank.

5. Alvin yang baru tiba mengambil nombor giliran di mesin nombor yang terdapat di bank itu sebelum memulakan urusan dengan pihak bank.

## UNIT 25: Manusia dan Alam Sekitar
### MODUL PBD PRAKTIS DSKP

**A. Mendengar dan Bertutur**

1. Program Sekolahku Indah
2. 4 April 2019
3. Kelab Alam Sekitar
4. Guru Besar Sekolah Kebangsaan Sri Teratai
5. memupuk sikap bertanggungjawab terhadap alam sekitar
6. menanam anak-anak pokok hiasan

### AKTIVITI PELIBATAN IBU BAPA

**Cadangan Ja\wapan**

Cara ibu bapa melatih anak-anak agar sentiasa menjaga kebersihan rumah:

– ibu bapa mendisiplinkan anak-anak supaya menjadi insan yang mementingkan kebersihan
– ibu bapa mempamerkan suri teladan yang sempurna
– ibu bapa menwujudkan suasana di rumah yang bersih dan bahagia

**C. Menulis**

No 4, Jalan Klang,
Taman Sri Cempaka,
41400 Klang.

13 Mac 2019.

Saudara,

Apa khabar? Saya berharap agar saudara sihat di samping keluarga tersayang. Saya menulis surat ini untuk berkongsi pengalaman saya baru-baru ini. Sekolah saya telah mengadakan Kempen Cintai Sungai Kita. Kempen ini dijalankan di Sungai Bertek. Kempen ini diadakan adalah untuk menyemai perasaan cinta akan sungai dalam kalangan murid.

Setibanya kami di kawasan sungai ini, suasananya sungguh mendamaikan. Kami mendengar taklimat daripada guru pengiring. Kemudian, kami diberi peralatan seperti sarung tangan dan plastik sampah untuk mengisi sampah yang akan kami kutip nanti.

Kami memulakan aktiviti dengan menyusuri sungai. Kami membersihkan kawasan sungai dan mengutip sampah.

Kami turut bekerjasama menanam pokok bunga untuk menceriakan kawasan sungai. Selain itu, kami membuat kerusi dan mendirikan pondok rehat untuk keselesaan pengunjung. Oleh itu, kawasan sungai menjadi lebih ceria.

Kempen Cintai Sungai Kita yang dijalankan telah berjaya mencapai matlamatnya. Program ini dapat memupuk semangat cinta akan alam sekitar juga.

Akhir kata, semoga kita berjumpa lagi.

Sahabatmu,
*Ikmal*

### AKTIVITI PAK-21: Pengalaman Peribadi (*Personal Learning Experience*)

**Cadangan Jawapan**

- pernah menyertai aktiviti sukarela membersihkan kawasan sungai
- meningkatkan kesedaran tentang kepentingan penjagaan sungai dan mengeratkan silaturahim
- membahagikan orang kepada beberapa kumpulan. Kumpulan 1 menebas semak samun yang menghalang laluan, kumpulan 2 mengutip sampah yang mencemari sungai tersebut, kumpulan 3 membina pondok rehat untuk berehat sambil menyaksikan keindahan sungai
- sungai menjadi bersih dan boleh dijadikan tempat riadah bagi seisi keluarga

## UNIT 26: Lestarikan Alam Kita
### MODUL PBD PRAKTIS DSKP

**A. Mendengar dan Bertutur**

1. Kegiatan bergotong-royong membersihkan kawasan sekolah akan diadakan bersempena dengan Minggu Alam Sekitar.
2. Tujuan kegiatan bergotong-royong ini diadakan adalah untuk mendidik murid-murid agar menjaga kebersihan.
3. Kegiatan ini diadakan pada hari Sabtu, 6 April 2019.
4. Murid-murid dikehendaki berkumpul di kantin sekolah pada pukul 8:00 pagi.
5. Kehadiran ahli Persatuan Sahabat Alam adalah wajib.

### AKTIVITI PAK-21: Peta *i-THINK*

**Cadangan Jawapan**

Peta Buih

Kepentingan semangat gotong-royong:

1. kerja yang sukar dapat dilaksanakan dengan mudah
2. mengeratkan hubungan silaturahim
3. dapat menyihatkan tubuh badan
4. dapat mengisi masa lapang

**B. Membaca**

1. sistem pengangkutan atau perhubungan yang menggunakan sungai dan laut sebagai laluan utamanya.
2. bencana alam seperti tanah runtuh, banjir, dan pemanasan bumi.
3. menghayati keindahan flora dan fauna di sepanjang laluan pengangkutan air ini. Perasaan kagum akan keindahan pelbagai spesies haiwan dan tumbuhan yang dapat kita lihat akan menyemai perasaan cinta akan keindahan alam semula jadi.

**C. Menulis**

**Pendahuluan:** penduduk Taman Kepayang akan mengadakan aktiviti gotong-royong – <u>melestarikan kawasan kediaman – menjaga kebersihan dan keindahan</u>

**Isi 1:** semua penduduk berkumpul di padang seawal pukul 7:00 pagi – <u>mereka membawa peralatan seperti penyapu, cangkul, dan pongkes untuk melancarkan aktiviti gotong-royong</u>

**Isi 2:** memulakan aktiviti gotong-royong – <u>ada yang menyapu sampah, memangkas dahan pokok, dan memotong rumput – bahan buangan dikumpulkan di dalam tong yang besar – saling bekerjasama</u>

**Isi 3:** menyediakan tong kitar semula untuk memudahkan penduduk membuang bahan buangan mengikut kategori – <u>menjaga kebersihan alam sekitar – menjayakan kempen kitar semula – menyemai perasaan cinta akan alam sekitar</u>

**Isi 4:** menanam pelbagai jenis pokok di sekitar kawasan kediaman – <u>menanam pokok hiasan</u>

dan pokok bunga – menghijaukan kawasan perumahan – mewujudkan suasana yang indah dan ceria

**Penutup:** aktiviti gotong-royong berakhir pada pukul 1:00 petang – bersyukur kerana aktiviti yang dirancang berjalan dengan lancar

**D. Tatabahasa**

1. tumbuh-tumbuhan
2. bersama-sama
3. berkepul-kepul
4. berkali-kali
5. mengadih-agihkan
6. bersungguh-sungguh
7. bermacam-macam
8. kecil-kecilan

## UNIT 27: Sayangi Alam Sekitar

### MODUL PBD PRAKTIS DSKP

**A. Mendengar dan Bertutur**

1. pembakaran hutan secara tidak terkawal
2. kesihatan kita akan terganggu
3. mengakibatkan mata pedih dan sesak nafas
4. mengurangkan aktiviti di luar rumah dan minum air secukupnya
5. memakai penutup mulut apabila berada di tempat awam sebagai langkah berjaga-jaga
6. tidak boleh membakar sampah kerana akan menyebabkan udara tercemar

**B. Membaca**

1. mengikat tin-tin susu terpakai yang berisi beberapa biji guli merentangi sawahnya. Tin-tin susu itu akan menghasilkan bunyi-bunyian yang dapat menghalau burung-burung dari sawahnya.
2. mengatasi masalah untuk melupuskan barangan terpakai itu dan seterusnya mengelakkan alam sekitar daripada tercemar.
3. Maksud tersurat: Bahri sentiasa mengambil berat terhadap alam sekitar.
   Maksud tersirat: Bahri sentiasa mengambil berat terhadap penjagaan alam sekitar dan mengelakkan perbuatan yang akan mencemarkan alam sekitar.

### MODUL PP PRAKTIS PRA-UPSR 9

**A. Sistem Bahasa**

**Praktis 1**

1. D 2. C 3. B 4. D 5. B
6. C

**Praktis 2**

1. A 2. A 3. B 4. D

**Praktis 3**

(i) di
(ii) ke
(iii) kerana

**B. Pemahaman**

1. D
2. C
3. A
4. D
5. C

**C. Penulisan**

Laporan Minggu Alam Sekitar

Pada 16 hingga 22 Julai 2019, Minggu Alam Sekitar telah diadakan di Sekolah Kebangsaan Desa Cempaka. Program tersebut bertujuan untuk mendidik murid-murid agar menjaga kebersihan alam sekitar.

Minggu Alam Sekitar dirasmikan oleh Guru Besar Sekolah Kebangsaan Desa Cempaka, iaitu Encik Shahidan bin Daud. Dalam ucapannya, beliau menasihati murid-murid agar menghargai alam sekitar.

Antara aktiviti yang dijalankan sepanjang Minggu Alam Sekitar termasuklah aktiviti gotong-royong membersihkan kawasan sekolah. Murid-murid yang terdiri daripada pelbagai bangsa bersama-sama menyapu sampah, mengutip sampah, mencuci longkang, dan menanam pokok bunga.

Selain itu, Kuiz Alam Sekitar turut diadakan. Johan kuiz tersebut ialah Nur Fatiha dari kelas Tahun Enam Bestari. Naib johan pula disandang oleh Ho Peck Yin dari kelas Tahun Empat Ikhlas.

Minggu Alam Sekitar diakhiri dengan persembahan lakonan oleh murid-murid tahun empat. Murid-murid yang mengambil bahagian dalam persembahan tersebut melakonkan watak singa, monyet, gajah, pelanduk, dan burung yang hampir mati kerana terminum air sungai yang tercemar.

Secara keseluruhannya, Minggu Alam Sekitar berjaya mencapai matlamatnya. Murid-murid dapat menimba pelbagai ilmu pengetahuan daripada program tersebut itu.

Laporan disediakan oleh, 23 JULAI 2019.

Aleeya

(ALEEYA BINTI ARIF SHAH)
Setiausaha Kelab Alam Sekitar,
Sekolah Kebangsaan Desa Cempaka.

## UNIT 28: Sains dalam Kehidupan

### MODUL PBD PRAKTIS DSKP

**A. Membaca**

1. Situasi yang amat membimbangkan yang diutarakan dalam petikan ialah kepulan asap yang begitu banyak dilepaskan oleh kenderaan bermotor terutamanya di bandar-bandar besar.
2. Kereta hibrid dapat menyelamatkan alam sekitar melalui penggunaan tenaga elektrik untuk bergerak dan tiada pelepasan asap.
3. (i) tidak melakukan pembakaran terbuka
   (ii) amalan kesedaran dalam diri tentang pentingnya penjagaan alam sekitar

**B. Menulis**



## UNIT 29: Teknologi Semakin Canggih
### MODUL PBD PRAKTIS DSKP
**A. Membaca**

Kehidupan ini
Serba canggih dan maju
Manusia pentingkan kesenangan
Tanpa berpenat lelah.

Terciptanya kad pintar
Akibat ledakan teknologi maklumat
Gaya hidup berubah
Segala kerja dipermudahkan.

Wang tunai
Tidak perlu dibawa
Dikhuatiri kecuaian dan kecurian
Kad bank penggantinya
Memudahkan pembelian
Memudahkan pembayaran.

Kepelbagaian fungsi kad prabayar
Kelancaran di plaza tol
Kelancaran di stesen komuter
Hanya perlu sentuh
Perjalanan dipermudah.

**B. Menulis**

Telefon pintar amat penting dalam kehidupan seharian. Teknologi ini dapat kita gunakan dalam pelbagai urusan tidak kira di mana-mana kita berada. Penggunaannya membolehkan kita menyelesaikan pelbagai urusan dengan mudah sekali.

Antara faedah penggunaan telefon pintar termasuklah kita dapat melayari Internet untuk mencari maklumat berkaitan pelajaran. Kita dapat mengakses pelbagai maklumat dari seluruh dunia dalam sekelip mata. Kita dapat menambahkan ilmu pengetahuan melalui maklumat yang kita peroleh.

Selain itu, golongan mahasiswa di universiti dapat melakukan perbincangan secara dalam talian bersamasama rakan mereka dengan menggunakan pelbagai aplikasi. Contohnya, aplikasi *WhatsApp*, *Telegram*, *Facebook*, dan sebagainya. Perbualan secara dalam talian ini amat menjimatkan masa. Oleh itu, para pelajar tidak perlu berjumpa dengan kerapnya kerana akan mengganggu masa pembelajaran mereka.

Melalui penggunaan telefon bimbit, kita boleh menyimpan maklumat-maklumat penting seperti nota, gambar, dan video. Maklumat-maklumat tersebut boleh kita gunakan sebagai rujukan pada masa akan datang. Tambahan lagi, kita dapat membaca maklumat-maklumat tersebut pada bila-bila masa yang diperlukan.

Seterusnya, dengan adanya telefon pintar ini kita dapat menghubungi keluarga dan rakan-rakan pada bila-bila masa untuk bertanyakan khabar. Dengan cara ini, kita dapat mengeratkan hubungan silaturahim.

Kemudahan telefon pintar amat penting dalam kehidupan hari ini. Tanpa teknologi ini kita akan ketinggalan untuk memperoleh maklumat. Namun begitu, kita hendaklah menggunakan telefon pintar ini dengan bijaknya ke arah kebaikan.

**C. Tatabahasa**

1. Mesin lemang ciptaan rakyat tempatan menghasilkan 100 batang lemang sejam.
2. Tanaman tutup bumi melindungi permukaan tanah dan mengelakkan proses hakisan tanah.
3. Rumah kincir air yang besar itu dapat menjana tenaga elektrik.
4. Roket Apollo II dilancarkan ke angkasa lepas untuk mengkaji sistem cakerawala.
5. Panel suria yang diimport itu berfungsi untuk membekalkan tenaga elektrik.
6. Sekumpulan murid menyaksikan pameran Angkasawan Negara di Planetarium Negara.

### AKTIVITI PELIBATAN IBU BAPA
**Cadangan Jawapan**

Ya, sains dan teknologi penting dalam kehidupan kerana
- peralatan yang dicipta dapat menjimatkan masa,
- tahap kesihatan manusia dapat dipertingkatkan,
- meningkatkan hasil produktiviti sektor perindustrian dan perladangan,
- memudahkan urusan penyimpanan data.

## UNIT 30: Bijak Mencipta
### MODUL PBD PRAKTIS DSKP
**A. Mendengar dan Bertutur**

1. penghasilan ciptaan yang dipertandingkan yang terdiri daripada pelbagai kategori
2. yang panjang
3. komited ingin menghasilkan ciptaan yang berkualiti
4. sekumpulan murid dari Sekolah Menengah Ulu Tiram, Johor Bahru
5. mengitar semula sisa makanan di rumah untuk dijadikan bahan nutrien tumbuh-tumbuhan

### AKTIVITI PAK-21: Lawatan ke Galeri (*Gallery Walk*)
**Cadangan Jawapan**



Kotak perangkap lemak makanan dan minyak:
- kotak yang dipasang di singki untuk membasuh pinggan mangkuk
- dapat mengasingkan lemak dan minyak masakan serta sisa makanan yang terapung
- kotoran akan terperangkap di dalam kotak tersebut dan hanya akan mengalirkan air sahaja keluar melalui paip singki
- paip singki tidak akan tersumbat

**B. Membaca**

1. bertanggungjawab
2. patriotisme
3. cinta akan negara
4. berhemah
5. kesyukuran

**C. Menulis**

menggunakan mesin basuh untuk membasuh pakaian dalam masa yang singkat. Hal ini dapat meringankan tugas ibu kita di rumah. Selain itu, adanya lebuh raya pula memudahkan

kita pergi ke suatu tempat yang jauh. Kita dapat mempercepat urusan di sesuatu tempat dan menjimatkan masa perjalanan berbanding dengan menggunakan jalan raya. Kemajuan sains dan teknologi telah menghasilkan mesin pengeluaran wang automatik yang mempunyai pelbagai fungsi. Kita boleh mengeluarkan wang menggunakan mesin ini tanpa perlu pergi ke bank. Dengan adanya komputer, kita boleh melayari Internet untuk memperoleh ilmu dan belajar secara dalam talian. Secara tidak langsung, pencapaian dalam akademik dapat ditingkatkan.

## MODUL PP PRAKTIS PRA-UPSR 10

**A. Sistem Bahasa**

**Praktis 1**

**1.** B **2.** B **3.** D **4.** C

**Praktis 2**

1. lancar (✓)
2. sekali (✓)

**B. Pemahaman**

(*a*) Fungsi utama kad pengenalan adalah sebagai tanda pengenalan diri.

(*b*) Kad pengenalan dikatakan sangat berharga kerana terdapat mikrocip yang mengandungi data peribadi pemilik kad pengenalan.

(*c*) Langkah yang perlu diambil bagi mengelakkan kejadian kehilangan kad pengenalan adalah dengan meletakkan kad pengenalan di tempat yang selamat serta membawa kad pengenalan untuk urusan-urusan penting sahaja.

**C. Penulisan**

Kemalangan maut yang berlaku di jalan raya sangat membimbangkan kita.

Penggunaan alat perangkap kelajuan telah dikuatkuasakan dengan segera bagi mencegah kemalangan dengan mengenal pasti kenderaan yang dipandu laju. Dalam masa yang sama, alat ini dapat membantu pihak polis mengurangkan kadar kematian melalui saman yang dikeluarkan terhadap pemandu-pemandu yang tidak berhemah. Seterusnya, pemandu akan lebih berhati-hati kerana jika melanggar peraturan di jalan raya mereka akan dikenakan tindakan undang-undang. Akhir sekali, sikap para pengguna jalan raya dapat diubah ke arah lebih berhemah ketika memandu di jalan raya.

Kesimpulannya, setiap pengguna di jalan raya perlu ada rasa tanggungjawab terhadap keselamatan diri dan orang lain.

## PENILAIAN AKHIR TAHUN

## PEMAHAMAN [011]

**Bahagian A**

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| **1.** D | **2.** C | **3.** D | **4.** A | **5.** D |
| **6.** B | **7.** C | **8.** C | **9.** B | **10.** C |
| **11.** B | **12.** C | **13.** B | **14.** C | **15.** B |
| **16.** D | **17.** B | **18.** C | **19.** B | **20.** B |

**Bahagian B**

**Soalan 21**

(*a*) (i) telah
(ii) sambil
(iii) untuk

(*b*) (i) senaskhah (✓)
(ii) biji
sebilah (✓)

(*c*) Ketua Pasukan: Seorang jurulatih berpengalaman pada peringkat kebangsaan yang membantu pasukan catur sekolah saya menjalani latihan.

(*d*) (i) Seperti harimau menyembunyikan kuku
(ii) Bagai tikus membaiki labu

**Soalan 22**

| | | |
|---|---|---|
| (i) | Oleh sebab bersalah, Shafik gementar semasa menemui Guru Besar. | ✓ |
| (ii) | Amalan bantu-membantu perlu diterapkan dalam diri anak-anak sejak kecil lagi. | ✓ |
| (iii) | Sebilangan kecil murid-murid dikesan melakukan perbuatan vandalisme. | ✗ |
| (iv) | Kebersihan tandas sekolah haruslah sama-sama dipelihara oleh kita. | ✗ |
| (v) | Selain pertandingan bercerita, pertandingan melukis diadakan juga di karnival itu. | ✓ |

**Soalan 23**

(i) sokongan
(ii) dikesan
(iii) tertekan
(iv) mengamalkan

**Soalan 24**

(*a*) (i) mengenal pasti kerusi dan meja yang rosak
(ii) mengasingkan kerusi dan meja mengikut jenis kerosakan

(*b*) Murid-murid diajar membaiki meja dan kerusi sekolah yang rosak untuk mendidik mereka agar menghargai harta benda awam.

(*c*) Pada pendapat saya, langkah-langkah untuk membendung murid-murid daripada merosakkan harta benda awam adalah dengan menguatkuasakan peraturan sekolah. Selain itu, kaunselor perlu memberikan ceramah dan bimbingan kepada murid di samping pemantauan yang dilakukan oleh skuad khas yang ditubuhkan di setiap sekolah.

**Soalan 25**

(*a*) Kegunaan telur dalam resipi ini adalah untuk menaikkan dan menggebukan kek.

(*b*) Jika tiada serbuk coklat, bahan lain yang sesuai untuk menggantikannya adalah serbuk perisa buah-buahan.

(*c*) Bahan yang boleh ditambah supaya kek coklat yang saya kukus itu menjadi lebih sedap adalah dengan menambahkan cip coklat atau meletakkan buah-buahan di atas kek yang siap dikukus.

## PENULISAN [012]

**Bahagian A**

1. Alia memilih basikal yang disukainya sambil diperhatikan oleh ayahnya.
2. Kamarul mengepam tayar basikalnya yang kempis sebelum menyambung perjalanannya semula.
3. Pekerja lelaki itu mengeluarkan tiub basikal yang bocor untuk digantikan dengan tiub yang baharu.
4. Razlan dan Haikal yang baru tiba hendak membeli peralatan tambahan untuk basikal mereka
5. Encik Kamal menghulurkan wang kepada Encik Leong untuk membayar harga basikal yang dibelinya.

**Bahagian B**

Pelbagai persiapan yang dapat kita lakukan sebelum menjelang peperiksaan.

Aktiviti belajar dalam kumpulan membolehkan kita bertukar-tukar pendapat tentang sesuatu topik dengan rakan-rakan. Selain itu, kita boleh membuat bacaan tambahan di pusat sumber pada waktu terluang supaya ilmu yang dipelajari dapat diingati. Di samping itu, semasa belajar di dalam kelas, kita hendaklah rajin bertanya kepada guru tentang sesuatu topik pelajaran yang tidak difahami. Seterusnya, untuk menambahkan ilmu pengetahuan kita boleh mencari maklumat atas talian dengan menggunakan Internet.

Kesimpulannya, persiapan menjelang peperiksaan perlu dilakukan oleh murid sejak awal lagi agar dapat menguasai setiap mata pelajaran dengan baiknya.

**Bahagian C**

**Soalan 1**

Kamal Hisham bin Badli,
Lot 12, Jalan Merbok,
Kampung Belangkan,
71200 Seremban.

11 Februari 2019.

Menemui sahabatku, Hazil yang kini berada di Kuala Selangor. Apa khabar saudara di sana? Saya berharap agar saudara sihat di samping keluarga tercinta. Tujuan saya menulis surat ini adalah untuk berkongsi pengalaman ketika mengikuti Program Sihat Sepanjang Hayat yang dianjurkan oleh Kelab Bimbingan Kaunseling Sekolah Kebangsaan Seri Aman.

Program ini diadakan bertujuan untuk memberikan kesedaran tentang kepentingan penjagaan kesihatan. Program ini dimulakan dengan ceramah kesihatan oleh Doktor Asyraf Farhan yang merupakan doktor pemakanan. Beliau memberikan penerangan tentang pemakanan yang sihat.

Kami menjalani pemeriksaan kesihatan secara percuma juga dengan dibantu oleh beberapa orang jururawat. Guru kelas memberikan kad kesihatan kepada kami untuk dicatatkan oleh jururawat. Kemudian, kami menjalani rawatan di sebuah bilik khas yang lengkap dengan peralatannya. Pemeriksaan ini bertujuan untuk menjaga gigi agar kekal sihat dan merawat gigi yang bermasalah.

Pada akhir program, pertandingan melukis poster pula diadakan. Semua murid melukis dengan tekunnya. Masing-masing ingin menunjukkan bakat melukis mereka. Rezeki menyebelahi saya kerana poster yang saya lukis telah berjaya mendapat tempat kedua.

Sebelum mengundurkan diri, saya berharap agar saudara telah mendapat sedikit informasi tentang penjagaan kesihatan. Saya berharap juga saudara dapat membalas surat saya dan berkongsi pengalaman saudara pula. Sekian, terima kasih.

Sahabatmu,
*Kamal Hisyam*

**Soalan 2**

Amalan bersukan perlulah diamalkan dalam kehidupan seharian. Setiap orang perlu bersukan supaya dapat mengekalkan kecergasan dan kesihatan tubuh badan.

Antara faedah bersukan adalah dapat menjadikan tubuh badan kita cergas setiap hari. Walaupun hanya berjalan kaki, namun peluh yang keluar daripada badan kita dapat mencergaskan badan.

Selain itu, seseorang yang sering bersukan akan lebih sihat. Hal ini dikatakan demikian kerana peluh yang disingkirkan daripada badan mengandungi bahan buangan yang tidak diperlukan oleh tubuh kita.

Di samping itu, kita dapat melibatkan diri dalam sesuatu sukan secara aktif. Kita dapat menjadikan sesuatu sukan itu sebagai kerjaya untuk menjamin masa hadapan. Antara sukan yang boleh dijadikan kerjaya seperti badminton, bola sepak, dan olahraga.

Amalan bersukan boleh mengharumkan nama negara di persada antarabangsa juga. Atlet-atlet yang berjaya memenangi kejuaraan dunia akan menjadikan negara kita sebagai negara yang disegani. Banyak atlet negara ini yang telah mengharumkan nama negara dalam acara sukan. Antaranya termasuklah, Datuk Lee Chong Wei, Datuk Nicol Ann David, Pandalela Rinong, dan Azizulhasni Awang.

Kesimpulannya, amalan bersukan banyak membawa manfaat kepada kita. Kita harus mengamalkannya untuk kehidupan yang lebih sihat.